

Lengkapkan tempat kosong dalam ayat yang berikut dengan kata ganti nama diri yang paling sesuai.

1. "Marilah ikut _____ ke pasar malam," kata Azman kepada Mustafa.
2. "_____ belajar silat di mana?" tanya Hang Tuah kepada Hang Jebat.
3. "_____ mestilah bermain dengan bersungguh-sungguh jika mahu menang," pesan ketua pasukan bola sepak kami.
4. Idea _____ yang bernas itu amat dikagumi oleh pemimpin di seluruh dunia.
5. "Bolehkah _____ senyap kerana peperiksaan sedang dijalankan," Aziah menegur kawan-kawannya yang bising.
6. _____ telah menyampaikan titah itu kepada bendahara.
7. Madirah pulang lewat hari ini kerana _____ tertinggal bas.
8. "Tolong pujuk datuk _____ supaya datang ke hospital untuk melakukan pemeriksaan kesihatan," kata Kak Limah kepada Darwis.
9. "Ampun _____, rombongan dari Melaka sudah tiba," kata bendahara kepada Sultan Mahmud.
10. "_____ berharap rakyat negeri ini patuh akan undang-undang yang telah ditetapkan," titah Sultan Alaudin Riayat Shah kepada rakyat negeri Melaka.

Praktis Formatif PBS 4

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan kata ganti nama diri tanya yang paling sesuai.

1. Majalah yang dibeli oleh Nadiah semalam _____?
2. _____kah yang tinggal di banglo di atas bukit itu?
3. Pertandingan mewarna untuk kanak-kanak itu diadakan di _____?
4. _____kah yang dibawanya di dalam bakul itu?
5. _____kah Bapa Pembangunan Malaysia?
6. Rombongan kebudayaan itu datang dari _____?